



## LAWATAN AUDIT EAC SECARA MAYA PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK-ELEKTRONIK)

Audit EAC (Engineering Accreditation Council Malaysia) yang melibatkan Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE), Fakulti Kejuruteraan dan Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE UTM) telah berlangsung pada 11-12 September 2021. Penilaian audit yang dijalankan secara maya melalui applikasi Webex telah dinilai oleh tiga orang panel penilai audit dari Lembaga Jurutera Malaysia. Ia bertujuan untuk memperbaharui perakuan akreditasi Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Elektronik), Pengajian Separuh Masa UTM

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan oleh Prof. Sr. Dr. Hishamuddin Mohd Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTM dan diikuti dengan sesi soal jawab melibatkan pengurusan program, staf sokongan, pelajar dan juga pemegang taruh yang berkaitan.



# BICARA KUALITI UTMSPACE 2021 SIRI 5

## KEPERLUAN KUALITI DALAM PERKHIDMATAN



**Sr Dr. Megat Mohd Ghazali  
bin Megat Abd. Rahman**

Pengarah,  
Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas

### BICARA KUALITI UTMSPACE (SIRI 5)

Bicara Kualiti UTMSPACE Siri 5 telah disampaikan oleh Pengarah Pembangunan dan Fasilitas, UTMSPACE iaitu Sr. Dr. Megat Mohd Ghazali bin Megat Abdul Rahman pada 15 Julai 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Webex.

Perkongsian ilmu yang bertajuk Keperluan Kualiti Dalam Perkhidmatan telah menekankan tentang kepentingan mengutamakan kualiti dalam sesuatu tugas kepada semua kakitangan. Selain itu, beliau turut menerangkan tentang Sistem Pengurusan Kualiti, komponen-komponen yang terdapat di dalamnya, serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk melaksanakan tugas dengan berkualiti seperti teknik Kaizen.

Sesi soal-jawab turut diadakan di penghujung acara. Siri ceramah sebegini mampu membantu peserta meningkatkan ilmu berkaitan dengan pengurusan kualiti dalam perkhidmatan.

# BICARA KUALITI UTMSPACE 2021 SIRI 6

## KEBERKATAN DALAM BEKERJA



**Pn. Zareena Binti Omar**  
Pengarah  
Pembangunan Bisnes  
UTMSPACE

### BICARA KUALITI UTMSPACE (SIRI 6)

Bicara Kualiti UTMSPACE Siri 6 dengan tajuk Keberkatan Dalam Bekerja telah diadakan pada 24hb Ogos 2021 secara dalam talian melalui aplikasi WEBEX dan siaran secara langsung di UTMSPACE Community FB.

Penyampaian dari Pengarah Pembangunan Bisnes, UTMSPACE, Puan Zareena binti Omar telah disertai seramai 126 orang peserta. Beliau menekankan tentang keperluan pengukuhan etika dan nilai-nilai mulia dalam jiwa kalangan warga UTMSPACE semasa pelaksanaan arahan bekerja dari rumah.

Selain daripada itu, Puan Zareena juga berkongsi tips tentang mencari keberkatan dalam bekerja. Antaranya adalah dengan mengamalkan sifat-sifat mulia seperti bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas, jujur, bersedekah, dan mengamalkan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan. Beliau turut mengingatkan supaya peserta tidak lupa menadah tangan berdoa memohon keberkatan dalam menjalani kehidupan seharian.

# BICARA KUALITI UTMSPACE 2021 SIRI 7

KEEP CALM AND  
LOVE QUALITY



**Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman**  
Pengarah Urusan Dan Ketua Pegawai  
Eksekutif, UTMSPACE

## BICARA KUALITI UTMSPACE (SIRI 7)

Bicara Kualiti UTMSPACE Siri 7 telah diadakan pada 23hb September 2021 secara dalam talian melalui aplikasi WEBEX dengan tajuk *Keep Calm and Love Quality*.

Ceramah telah disampaikan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, UTMSPACE, Ybrs. Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman. Perkongsian beliau telah menarik sejumlah 200 orang peserta pada sesi tersebut.

Perkongsian Ybrs Prof. Dr Azlan telah memberi penekanan terhadap keperluan mengamalkan gaya hidup berkualiti dalam kehidupan. Dalam perkongsianya, beliau juga mengingatkan agar semua kakitangan UTMSPACE sentiasa bersedia dalam apa jua situasi. Perkongsian sebegini dapat memberi inspirasi kepada seluruh staf untuk berusaha menjadikan kualiti sebagai salah satu prinsip daripada elemen budaya dalam kehidupan seharian.



## AUDIT PEMATUHAN PROGRAM ASASI

Pada 11 Ogos 2021 telah berlangsung Audit Pematuhan Program Asasi, Universiti Teknologi Malaysia di bawah penilaian Swaakreditasi secara dalam talian. Sekilas fakta tentang Audit Pematuhan adalah ia merupakan penilaian secara berkala terhadap program akademik dalam memenuhi *standard* yang ditetapkan oleh MQA.

Proses Audit Pematuhan ini turut memastikan pengkelan Akreditasi Penuh diberikan kepada program-program yang terlibat. Panel Penilai Audit (PPA) telah diketuai oleh Prof Madya Dr. Ahmad Zuri bin Sha'ameri dan dibantu oleh Prof Madya Ir. Ts. Dr. Roshanida binti A. Rahman dan Prof Madya Dr Aslan bin Amat Senin.

Hasil daripada penilaian oleh PPA, tiada sebarang rekod ketidak patuhan (Nonconformance: NCR) di dalam proses penilaian. Namun terdapat beberapa ruang penambahbaikan (Opportunity for Improvement: OFI) telah dicadangkan kepada bahagian-bahagian yang berkaitan untuk melancarkan seluruh proses audit. Dapatan yang diperolehi daripada sesi audit kali ini mampu memungkinkan lagi penambahbaikan berterusan dalam usaha menawarkan pendidikan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua kakitangan dan umum.

## AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) UTMSPACE BAGI TAHUN 2021



Seiringan dengan matlamat yang disasarkan oleh pengurusan UTMSPACE bagi pembudayaan sistem pengurusan kualiti yang efektif, satu sesi Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE 2021 telah berlangsung sepanjang bulan Ogos - September 2021 yang melibatkan 19 Pusat Tanggungjawab (PTJ) UTM. Audit ini diadakan bertujuan sebagai medium semakan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE. Ia juga menjadi keperluan bagi Audit Pensijilan ISO 9001:2015 yang bakal diadakan oleh Badan Pensijilan pada penghujung tahun 2021.

En. Mohd Zaini bin Azizan selaku Ketua Juruaudit Dalaman dan dibantu oleh dua puluh (20) orang Juruaudit Dalaman telah mengembling tenaga dalam proses semakan dokumen serta menjalani temubual bersama auditee.


Hasil dapatan daripada audit ini telah dibentang di dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan Bil. 4. Standard MS ISO 9001:2015. Polisi Dan Kod Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran UTM menjadi panduan rujukan dan ia diselaraskan bagi menghasilkan Instrumen Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE.

Secara keseluruhan, proses audit yang dijalankan telah berjalan dengan lancar dengan sempurna secara maya. Sekalung penghargaan buat semua warga kerja khususnya pihak Pengurusan Tertinggi UTMSPACE yang terlibat dalam kelancaran Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE 2021.

# PELAKSANAAN INISIATIF PENGURUSAN RISIKO UTMSPACE

UTM Johor Bahru, 26hb Julai – Pengurusan risiko adalah proses penggunaan analisis risiko bagi mendapatkan keputusan untuk mencapai sesebuah pelaksanaan rancangan. Dalam proses memperkasakan pembudayaan kualiti dan penambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, Bahagian Pengurusan Kualiti dan Risiko telah mencadangkan satu inisiatif Pengurusan Risiko kepada Pengurusan Tertinggi untuk dipraktikkan di UTMSPACE.

Pekeliling berkaitan Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Risiko UTMSPACE akan diedarkan oleh Pejabat Pengarah Urusan. Melalui inisiatif ini, diharapkan agar dapat membantu UTMSPACE untuk penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi sebarang keberangskalian berkaitan dengan urusan kerja di samping memberi pendedahan dan kefahaman kepada staf mengenai amalan pengurusan risiko.





## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA UTMSPACE DAN TRA VINH UNIVERSITY, VIETNAM

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) di antara UTMSPACE dan Tra Vinh University (TVU), Vietnam telah diadakan secara atas talian pada 6hb Ogos 2021. TVU diwakili oleh Dr. Nguyen Minh Hoa (Naib Presiden) manakala bagi pihak UTMSPACE pula diwakili oleh Prof.Dr. Azlan bin Ab Rahman (Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif). Beberapa program kerjasama yang melibatkan pelajar dan pensyarah untuk dilaksanakan.

## INTERNATIONAL EDUCATION WEBINAR SERIES 1

utmSPACE.edu.my

**UTMSPACE**

**INTERNATIONAL EDUCATION WEBINAR**

**Continuing Education in Palestine: Challenges and Opportunities**

Date : 11/8/2021 (Wednesday)  
 Time : 3.00 pm - 4.00 pm  
 Platform : Webex

Speaker :  
 Prof. Dr. Wesam Ahmed Al Madhoun  
 (Director for Centre of Sustainable Development, Gaza University, Palestine)

Siri pertama International Education Webinar yang bertajuk “Continuing Education in Palestine: Challenges and Opportunities” telah berjaya dianjurkan pada 11hb Ogos 2021 ia disampaikan oleh Prof. Dr. Wesam Ahmed Al Madhoun (Director for Centre of sustainable Development, Gaza University, Palestine). Menurut Dr.Wesam, pelbagai cabaran dihadapi oleh pelajar di Palestine seperti bekalan elektrik yang terhad, capaian internet, ancaman daripada Israel dan pelbagai. Universiti di Palestine mengalu-alukan kedatangan pelajar luar negara untuk menyambung pengajian mereka di sana. Seramai 110 orang peserta telah menghadiri program tersebut.

Penceramah  
 Prof. Dr. Wesam Ahmed Al Madhoun (Director for Centre of sustainable Development, Gaza University, Palestine)



## INTERNATIONAL EDUCATION WEBINAR SERIES 2

Siri kedua International Education Webinar bertajuk “Impacts of Covid-19 Pandemic on Malaysia as an International Education Hub” telah diadakan pada 25hb Ogos 2021 telah dihadiri oleh 400 orang peserta.

Antara perkara yang dibincangkan adalah cabaran yang dihadapi pelajar dan juga institusi-institusi pengajian tinggi serta cara mengatasinya turut dibincangkan. Pada sesi tersebut, pihak EMGS memainkan peranan utama mempromosi Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi pilihan ramai. EMGS sentiasa melibatkan urusan bersama institusi pengajian tinggi (IPT) dan agensi kerajaan bagi memudahkan urusan pelajar. Pembelajaran digital, penyampaian dalam talian dan sistem sokongan perlu diberi keutamaan oleh IPT.

IPT juga perlu meningkatkan aktiviti pemasaran melalui saluran yang baharu dan menaik taraf fasiliti serta infrastruktur untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

### **Moderator :**

Prof. Dr. Nordin Yahaya. Vice President Ge4 Network, Former Pro VC International, Universiti Teknologi Malaysia.

### **Penceramah :**

- Mr Mohd Radzlan bin Jalaludin, CEO, Education Malaysia Global Services (EMGS), Ministry of Higher Education Malaysia
- Datuk Parmjit Singh. CEO, Asia Pacific University of Technology & Innovation
- Professor Dr. Kamila Ghazali. Deputy Vice-Chancellor (Academic and International), Universiti Malaya
- Mr Ahmad Rezal Chan. Senior Partner and Founder, REXPO Group of Companies








## INTERNATIONAL EDUCATION WEBINAR

---

### Impacts of COVID-19 Pandemic on Malaysia as an International Education Hub

---

25 August 2021 | 11.00 am - 1.00 pm  
(Wednesday)

 <p><b>Professor Dr. Azlan bin Ab Rahman</b> Managing Director &amp; CEO, UTMSPACE</p>	 <p><b>Professor Dr. Kaeila binti Ghazali</b> Deputy Vice-Chancellor (Academic and International) Universiti Malaya</p>
 <p><b>Professor Dr. Nordin bin Yahaya</b> Vice President of Ce4 Network Former Pro VC (International), Universiti Teknologi Malaysia</p>	 <p><b>Mohd Radzlan bin Jalaludin</b> CEO, Education Malaysia Global Services (EMGS)</p>
 <p><b>Daruk Parell Singh</b> CEO, Asia Pacific University of Technology &amp; Innovation</p>	 <p><b>Ahmad Bezal Chor</b> Senior Partner and founder BERPO Group of Companies</p>

REGISTER HERE:



join online



For details, please contact  
**Mr. Amirul** - +6017-736 3698  
[edamirul@utmspace.edu.my](mailto:edamirul@utmspace.edu.my)

# THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS – COMPUTER STRIKES TOWARDS ARTISTIC RESEARCH (COMSTAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR

Pada 14hb Ogos 2021 telah berlangsungnya program Computer Strikes Towards Artistic Research (COMSTAR) di Universti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur.

Pihak penganjur bagi Coding-Generation Programme 2021 secara rasminya mengumumkan bahawa program tersebut telah berjaya dicatat dan tersenarai di dalam The Malaysia Book of Records sebagai Jumlah Peserta yang Teramai di Dalam Pembelajaran Kod Secara Maya (Most Number Of Participants In A Virtual Coding Learning)

Dengan jumlah peserta seramai 1843 orang pelajar Diploma UTM, ia telah meletakkan nama Universiti Teknologi Malaysia di dalam buku The Malaysia Book of Records tersebut. Program tersebut dijalankan menggunakan platfom Microsoft Teams dan juga Google Meet. UTMSPACE mengucapkan jutaan Tahniah kepada semua peserta.



# PERLAKSANAAN PROGRAM OLEH PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN BAGI BULAN JULAI - SEPTEMBER 2021

Berikut adalah carta jumlah peserta/pelajar yang mengikuti program di bawah anjuran Pusat Pendidikan Berterusan sehingga 30 September 2021.

Bil.	Nama Program	Bilangan Program	Peserta/Pelajar
1.	Kursus Pendek	78	2945
2.	Seminar	6	573
3.	UTM Professional Skills Certificate	12	7665
4.	Sijil Profesional	6	48
5.	MUET	4	888
6.	Diploma Profesional	65	2142
7.	Sarjana Muda Profesional	4	36
8.	Sarjana Profesional	6	393
<b>JUMLAH</b>			<b>14690</b>

# SENARAI PERLAKSANAAN KURSUS PENDEK (SIJIL PROFESIONAL)

Berikut adalah senarai program di bawah anjuran Pusat Pendidikan Berterusan sehingga 30 September 2021.

Bil.	Nama Program	Tarikh
1.	Effective Project Management - Institut Perkhidmatan Awam Brunei	28 Jun - 3 Julai 2021
2.	Professional Certificate in Business Administration - PNB	Jul - Dis 2021
3.	Kursus Memahami Pelan dan Anggaran Kos - UPKP	1 Julai 2021
4.	Kursus Memahami Pelan dan Anggaran Kos Projek Kerja Jalan Raya - UPKP	7 Julai 2021
5.	Certificate In Early Childhood Centre Management Post COVID-19 – Surianet Technology	17 Julai 2021
6.	Kursus Asas Pemahaman dan Penyediaan Bill of Quantities (BQ)	24 Julai 2021
7.	Kursus Memahami BQ Dan Menghargakan Projek Pembinaan Jeti Dan Jambatan - UPKP	27 Julai 2021
8.	Kursus Anggaran Kos Jalan Konkrit - UPKP	29 Julai 2021
9.	Seminar Online: Bicara Kreatif, Komunikasi Efektif - KPM	29 Julai 2021
10.	Intellectual Property and Business Management Planning - iTRADEMARK	30 Jul - 1 Ogos 2021
11.	Essential Skills and Digital Marketing Awareness - Nitkertz	31 Jul - 15 Ogos 2021
12.	Kursus Pengurusan Tapak Projek Binaan - UPKP	12 Ogos 2021
13.	Essential Skills and Digital Media Marketing - Nitkertz	16 - 25 Ogos 2021
14.	Program Webinar: Teknologi Penyelenggaraan Bangunan: MBOT	25 Ogos 2021
15.	Kursus Asas Penyelenggaraan Cerun - UPKP	25 Ogos 2021
16.	Kursus Online Memperkasakan Skil Perkeranian & Pentadbiran Pejabat - KPM	6 - 7 Sept 2021
17.	Kursus Asas Landskap - UPKP	7 Sept 2021
18.	Kursus Memahami Pelan dan BQ Projek Jalan Ladang - UPKP	14 Sept 2021
19.	Kursus Asas Penyediaan Senarai Kuantiti (BQ) - Jab. Landskap Negara	21 - 22 Sept 2021

20.	Certificate in Logistic & Supply Chain Management - Intra International	27 Sept 2021
21.	Certificate in Industrial Manufacturing Management - Intra International	27 Sept 2021
22.	Certificate in Human Resource & Administrative Management - Intra International	27 Sept 2021
23.	Certificate in Early Childhood Education Management - Intra International	27 Sept 2021
24.	Certificate in Customer Management - Intra International	27 Sept 2021
25.	Kursus Online: Measurement Techniques and Cost Estimating In Building Works - Tialoc Malaysia Sdn Bhd	27 - 28 Sept 2021
26.	Seminar Online: Rahsia Menjadi Pekerja Terbilang Di Masa Mencabar bersama	28 Sept 2021

## MAJLIS PELANCARAN PENAMAAN BAHARU PROGRAM PROFESIONAL UTMSPACE

Majlis Pelancaran Penamaan Baharu Program Profesional UTMSPACE telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Profesor Dr. Azlan Ab. Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE pada 15hb September 2021. Turut hadir dalam Majlis Pelancaran tersebut adalah Sr Dr. Zakaria Mohd Yusof, Pengarah Pembelajaran Sepanjang Hayat UTMSPACE, Pengurusan UTMSPACE, Rakan Kerjasama UTMSPACE serta para jemputan UTMSPACE.

UTMSPACE telah mengorak langkah proaktif untuk penamaan baharu bagi program-program berikut:

1. *Professional Diploma* kepada *Professional Graduate*
2. *Professional Degree* kepada *Advanced Professional Graduate* dan *Professional Master* kepada *Professional Postgraduate*
3. *Professional Master in Business Administration* kepada *Professional MBA*.

Dengan penamaan baharu bagi program-program profesional, UTMSPACE terus memperkasakan pendidikan sepanjang hayat bagi menyokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).





## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UTMSPACE DAN MAJUPERAK FSV EDU SDN. BHD.

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara UTMSPACE dan MAJUPERAK FSV Edu Sdn. Bhd. telah diadakan pada 15hb September 2021 secara maya. Dokumen Perjanjian Rakan Strategik ini telah ditandatangani oleh YBr. Profesor Dr. Azlan Ab. Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE dan YBr. Encik Megat Mohd Shahrin Hamdan, Ketua Pegawai Eksekutif MAJUPERAK FSV EDU Sdn. Bhd.

Tetamu kehormat yang turut serta pada majlis ini adalah YBhg. Profesor Sr Dr. Hishamuddin Mohd Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTM serta YB Dato' Abdul Manaf Hashim, Penasihat Khas YAB Menteri Besar Perak dan YBhg. Dato' Mohamed Hamdan Hazizi, Pengerusi FSV Edu Sdn. Bhd.

Turut hadir dalam Majlis Pelancaran tersebut adalah Sr Dr. Zakaria Mohd Yusof, Pengarah Pembelajaran Sepanjang Hayat UTMSPACE dan YBr. Encik Nizran Noordin, Ketua Pegawai Eksekutif, MAJUPERAK Holdings Berhad serta Prof. Dr. Nazri Ali, Pengerusi SPACE UTM, Sr Dr. Megat M. Ghazali Bin Megat Abd. Rahman, Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas UTMSPACE dan barisan pengurusan kedua-dua belah pihak.

Sebagai permulaan ke arah menjayakan kerjasama ini, UTMSPACE dan MAJUPERAK FSV EDU, akan melaksanakan Program Sijil Profesional Penyeliaan Projek dan diikuti dengan penawaran program-program secara usahasama antara kedua-dua pihak.

## WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI SIRI 4/2021: ANTARA KERJAYA & PENGETAHUAN



Sesi Wacana Ilmu Bersama Alumni telah berlangsung pada 27 Julai 2021 bersama Encik Rahsidi Sabri bin Muda. Beliau telah memberikan perkongsian serba sedikit tentang bidang yang beliau ceburi kepada warga UTM/UTMSPACE menerusi FB Live UTMSPACE dan Webex. Encik Rahsidi merupakan Alumni UTM bagi program Diploma Kejuruteraan Awam (2008) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (2018) dan kini menyandang jawatan sebagai Ketua (Sivil & Geoinformatik) TNB Research Sdn. Bhd.

## PROGRAM MINGGU MESRA MAHASISWA DIPLOMA DAN ASASI



Seramai 217 orang pelajar bagi Program Diploma dan 440 pelajar bagi Program Asasi Universiti Teknologi Malaysia telah diraikan dalam Program Minggu Mesra Mahasiswa (3M). Mereka merupakan pelajar baharu yang mendaftar bagi Sesi 2021/2022. Program telah berlangsung pada 28 sehingga 30 Julai 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Webex dan Blackboard.

Antara pengisian sepanjang program 3M ini adalah, sesi taklimat dan sesi engagement yang melibatkan Majlis Amanat Naib Canselor UTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Sesi Ramah Mesra Bersama Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Shamsul Bin Sahibuddin serta Sesi bersama Pro-Naib Canselor (UTM Kuala Lumpur), Profesor Ts. Dr. Abd Latif Bin Saleh.

Program turut diisi dengan sesi ramah mesra bersama pihak pengurusan UTMSPACE serta taklimat berkaitan akademik, kebijakan serta kemudahan yang disediakan oleh pihak UTM. Taklimat telah disampaikan oleh beberapa pusat tanggungjawab di UTM seperti Perpustakaan UTM, Pusat Kesihatan Universiti, UTMDigital dan lain-lain.

Selain itu, aktiviti sukan Virtual Fitness Challenges serta Virtual 5km Run juga berlangsung secara serentak pada sesi tersebut. UTM mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Diploma dan Asasi bagi Sesi 2021/2022.



## MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA (SEPARUH MASA) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Professional dan Pendidikan Berterusan (SPACE) UTM telah meraikan 50 pelajar baharu bagi program diploma separuh masa kemasukan semester I sesi 2021/2022 pada 31 Julai 2021 di dalam Majlis Aluan Pelajar (MAP) menerusi aplikasi Webex dan juga Blackboard.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman telah menyampaikan ucapan aluan pada sesi tersebut. Yang Berbahagia Prof. sempat beramah mesra dan beliau juga menyampaikan pesanan kepada yang hadir agar pelajar memberi tumpuan kepada misi dan matlamat serta tiada jalan singkat untuk berjaya.

Antara pengisian lain dalam majlis tersebut adalah ucapan aluan daripada Pengerusi SPACE UTM dan juga Pengurus Besar Pusat Pengajian Separuh Masa, taklimat kewangan dan pengeluaran KWSP, taklimat PTPTN dan perlindungan insurans pelajar. Pada sebelah petang pula, majlis ini diteruskan dengan taklimat peraturan akademik oleh Ketua Penyelaras Program Diploma Separuh Masa dan diteruskan dengan taklimat program yang disampaikan oleh penyelaras program masing-masing. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Diploma UTM (Separuh Masa) bagi Sesi 2021/2022.





## SESI PERJUMPAAN PENGURUSAN SPACE UTM BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) DIPLOMA UTM KL

Sesi perjumpaan di antara Pihak Pengurusan SPACE UTM bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Diploma UTM telah di adakan pada 3 Ogos 2021. Perjumpaan yang dipengerusikan oleh Pengerusi SPACE UTM Prof. Dr. Nazri bin Ali adalah bagi mendapatkan maklum balas berkaitan isu-isu yang diutarakan oleh pihak MPP selaku wakil kepada pelajar SPACE UTM.

Antara isu yang telah diketengahkan adalah tentang yuran pelajar, penggunaan e-book sepenuhnya bagi proses pengajaran dan pembelajaran, bebanan pembelajaran dalam talian dan juga cadangan penganjuran program Family Day SPACE.

Sesi ini turut disertai oleh Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Aset UTMSPACE, Timbalan Pengerusi SPACE UTM, Pengurus Besar Bahagian Kewangan, Pengurus Besar Pusat Pengajian Diploma (PPD), pegawai-pegawai Unit Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (UHEPA) serta pegawai-pegawai daripada PPD.


Perjumpaan sebegini merupakan platform penting bagi pengurusan SPACE UTM untuk mendapatkan maklumat tentang segala permasalahan pelajar yang dihadapi dan pihak pengurusan lebih prihatin terhadap setiap isu-isu yang dibangkitkan bagi membantu pelajar menghidupkan persekitaran yang harmoni.

## BENGGKEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SEMESTER 1) SESI 2021/2022, PPK SPACE UTM

Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Semester I Sesi 2021/2022 bagi Program Pengajian Kerjasama (PPK), SPACE UTM telah berlangsung pada 25-27 Ogos 2021 secara dalam talian. Tujuan Ia dijalankan adalah untuk memastikan setiap pegawai dan pensyarah daripada UTM dan kolej-kolej kerjasama memahami beberapa perkara penting sebelum semester bermula. Antaranya adalah seperti berikut :

- i. Kaedah pengajaran
- ii. Kaedah penilaian seperti tugas, kuiz, ujian dan kerja lapangan.
- iii. Kedalaman suatu topik dan penekanan bahagian/ tpoik yang penting.
- iv. Nota kuliah, modul dan buku teks atau rujukan yang digunakan.

Bengkel ini dilaksanakan seminggu sebelum Semester bagi Program Kerjasama bermula. Ia dihadiri oleh pensyarah UTM dan kolej-kolej kerjasama bagi membincangkan perkara berkaitan dengan program Diploma dan Pra Diploma.



## MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA (SEPENUH MASA) UTM BAGI PENDAFTARAN PELAJAR SESI KEDUA

Sekolah Pendidikan Professional dan Pendidikan Berterusan (SPACE) UTM telah mengadakan Majlis Aluan Pelajar bagi program diploma sepenuh masa Universiti Teknologi Malaysia pada 11 Ogos 2021. Majlis bertujuan meraikan 40 pelajar baharu.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada Pengurus Besar Pusat Pengajian Diploma, SPACE UTM. Ia diikuti dengan taklimat kewangan, kebajikan, insuran perlindungan pelajar, pinjaman pendidikan PTPTN dan juga akademik daripada ketua jabatan dan perwakilan bahagian di UTM secara dalam talian menggunakan aplikasi Webex dan juga Blackboard.

UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada seluruh pelajar baharu bagi Program Diploma UTM (Sepenuh Masa) bagi Sesi 2021/2022.